



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CAJ JALAN (RC) BAGI KENDERAAN MOTOR PENDAFTARAN SINGAPURA MULAI 1 APRIL 2022 HINGGA 7 APRIL 2022

Seperti mana pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada 24 Mac 2022, kedua-dua negara akan membenarkan semua pengembara yang telah lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian COVID-19, termasuk ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan mulai 1 April 2022. Kebenaran ini adalah terpakai kepada semua kategori pengembara dan penggunaan semua jenis mod pengangkutan darat, termasuk motosikal, motokar persendirian dan semua kelas kenderaan perkhidmatan awam rentas sempadan seperti bas henti-henti, bas ekpress, bas pelancongan, bas pekerja dan teksi rentas sempadan.

Dalam hal ini, peraturan semasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] menetapkan bahawa semua kereta persendirian pendaftaran Singapura adalah dikehendaki membayar Caj Jalan (RC) (RM20 setiap kali kemasukan) apabila masuk ke Malaysia (melalui lintasan masuk darat di BSI dan KSAB). Bagi kenderaan yang telah didaftarkan dan dipasang dengan tag RFID permit masuk kenderaan motor asing (VEP), pembayaran untuk RC adalah melalui e-wallet Touch n' Go yang digabungkan dalam tag RFID. Kenderaan pendaftaran Singapura yang masih belum didaftarkan dan dipasang dengan tag RFID VEP pula, pembayaran untuk RC masih boleh dibuat dengan menggunakan kad Touch n' Go.

Namun mengambil kira bahawa sempadan Malaysia dan Singapura telah ditutup semenjak lebih 2 tahun ini, rakyat Singapura tidak dapat memasuki





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Malaysia untuk menambah nilai di dalam kad Touch n' Go mereka. Ada juga kad yang telah luput tempoh sah lakunya dalam tempoh masa yang sama.

Oleh yang demikian, setelah berbincang dengan YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Negeri Johor, saya telah bersetuju untuk mengecualikan pembayaran RC yang dikenakan kepada semua kenderaan pendaftaran Singapura berkaitan, yang akan memasuki Malaysia, untuk tempoh 7 hari, mulai 1 April 2022 sehingga 7 April 2022. Pengecualian ini adalah bertujuan mengelakkan kesesakan berlaku di kedua-dua pintu masuk sempadan darat negara Malaysia dan Singapura (di BSI dan KSAB) apabila tiada mempunyai baki yang mencukupi atau tiada kad Touch n' Go yang masih sah. Tempoh masa ini hendaklah digunakan oleh semua pengembara/pemandu kenderaan pendaftaran Singapura untuk sama ada (i) memperbaharui/mendapatkan kad Touch n' Go, atau (ii) menambah nilai di dalam kad tersebut atau (iii) mendaftar dan memasang tag RFID VEP pada kenderaan masing-masing.

Mana-mana kenderaan pendaftaran Singapura yang telah pun berdaftar dan dipasang tag RFID VEP juga akan turut dikecualikan daripada pembayaran RC dalam tempoh masa yang sama. Pengecualian ini akan dilaksanakan di bawah peruntukkan seksyen 88E, Akta 333. Namun, semua pengembara adalah diingatkan bahawa kenaaan RC akan dikuatkuasakan semula mulai 8 April 2022.

Saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Negeri Johor, di atas keperihatinan beliau bagi memudahkan semua urusan pengembara susulan kepada pembukaan sempadan negara kelak. Pengecualian ini kelak bukan sahaja akan membawa manfaat kepada semua rakyat Malaysia dan penduduk Negeri Johor, tetapi juga akan dinikmati oleh warganegara Singapura dan lain-lain negara, yang akan mengembara ke Malaysia dan Negeri Johor susulan kepada pembukaan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

sempadan negara kelak.

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
28 MAC 2022

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel + 1800 88 7723
Faks + 603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

